



## **BOLA TAMPAR**

### **1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Peraturan ini dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB)

### **2. PERATURAN PERTANDINGAN**

Mengikut Undang-undang dan Peraturan AM Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

### **3. JENIS PERTANDINGAN**

Pertandingan antara Pasukan Universiti-universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

### **4. PENDAFTARAN PERMAINAN/ PEMBENTUKAN PASUKAN**

- 4.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 14 orang pemain bagi satu pasukan.
- 4.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 4.3 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.
- 4.4 Setiap pasukan dibenarkan mempunyai "LIBERO" (2 orang) semasa pertandingan dijalankan.

### **5. SISTEM PERTANDINGAN**

- 5.1 Sila rujuk Peraturan AM MASUM, perkara (9.0)
- 5.2 Pusingan awal ditentukan dengan dua (2) set dari tiga (3) permainan
- 5.3 Keputusan perlawanan suku akhir, separuh akhir dan akhir ditentukan dengan tiga (3) set dari lima (5) permainan
- 5.4 Setiap set dimainkan dengan kiraan mata 25. Set ketiga atau set penentuan dimainkan dengan kiraan mata 15
- 5.5 Set pertama dan kedua (pusingan awal) dan set ketiga dan kelima (suku akhir hingga akhir) sekiranya kedudukan terikat 24 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Duece).
- 5.6 Set ketiga (pusingan awal) dan set kelima (suku akhir hingga akhir) sekiranya kedudukan terikat 14 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Duece).

## 6. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

### 6.1 Cara memberi mata :

Menang	- 2 mata
Kalah	- 1 mata
Kalahn tanpa bertanding	- 0 mata

### 6.2 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut :-

#### 6.2.1 Nisbah Mata (M),

$$M = \frac{\text{Jumlah mata menang ( semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (semua perlawanan)}}$$

#### 6.2.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),

$$S = \frac{\text{Jumlah set menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (semua perlawanan)}}$$

#### 6.2.3 Jika masih seri,

$$S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah Set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

#### 6.2.4 Jika masih seri,

$$M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

#### 6.2.4 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antar dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantar kedua-dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang pernah menang diperlawanan tersebut dikira menang.

#### 6.2.5 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

## 7. PAKAIAN

### 7.1 Pakaian yang bersesuaian dengan permainan Bola Tampar

### 7.2 Pakaian seragam mengikut Peraturan FIVB

## 8. KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 25 – 0, 25 – 0.

## **9. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN**

9.1 Sekiranya pengadil berpendapat gelanggang tidak sesuai untuk dimainkan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, permainan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua –dua pasukan dan sekiranya melebihi 4 jam keputusan berikut akan diikuti :-

9.1.1 Sekiranya bermain semula digelanggang yang sama, set yang tergendala akan disambung semula dengan mata, pemain dan kedudukan pemain yang sama.

9.1.2 Set yang telah dimainkan dahulunya dikekalkan keputusannya.

9.1.3 Sekiranya perlawanan dimainkan di gelanggang yang lain, set yang sedang dimainkan dikira batal dan dimainkan semula dengan pemain-pemain yang sama.

9.1.4 Set yang telah dimainkan dahulu dikekalkan keputusannya.

9.2 Sekiranya berlaku gangguan perlawanan melebihi 4 jam, maka keseluruhan perlawanan akan dimainkan semula.

## **10. BANTAHAN/ RAYUAN**

Mengikut Peraturan AM MASUM, perkara (13.0 dan 15.0)

## **11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Sila rujuk Peraturan AM MASUM, perkara (21.0)